

# PM, Koizumi bincang kongsi ekonomi

BH 12 DEC 2002

TOKYO, Rabu – Jepun dijangka membincangkan mengenai cadangan Perjanjian Perkongsian Ekonomi (EPA) apabila Perdana Menteri Junichiro Koizumi bertemu dengan rakan sejawatnya dari Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini, tengah hari esok.

Kedua-dua pemimpin itu juga dijangka membincangkan cadangan penubuhan sebuah universiti vokasional dan teknikal di Malaysia, program Dasar Pandang Ke Timur antara kedua-dua negara, keganasan dan isu-isu serantau lain.

Timbalan Pengarah Bahagian Asia Tenggara Kedua Biro Hal Ehwat Asia dan Oceania, di Kementerian Luar Jepun, Mio Maeda berkata, Jepun sedia berunding bersama Malaysia dan negara Asean lain mengenai EPA yang ia mahu laksanakan.

“Kami memeterai perjanjian ini bersama Singapura pada November, yang termasuk Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dan bidang-bidang lain kerjasama seperti sumber pembangunan manusia,” katanya dalam satu temubual dengan Bernama di sini.

Dr Mahathir dijadual tiba di sini esok untuk lawatan rasmi dua hari sempena ulang tahun ke-20 pelancaran Dasar Pandang Ke Timur Jepun-Malaysia.

Ketika lawatan itu beliau juga dijadual mengadap Maharaja Akihito dan bertemu ahli perniagaan Jepun dan tokoh korporat.

EPA Jepun-Singapura meliputi 17 bidang kerjasama termasuk pengliberalan perdagangan, mempermudah pelaburan, standard dan keseragaman, mobiliti buruh serta sains dan teknologi.

Maeda berkata Jepun juga

mengadakan perbincangan awal mengenai EPA bersama Thailand dan Filipina.

Walaupun China bersejajau memeterai satu FTA bersama Asean ketika Sidang Kemuncak Asean di Phnom Penh baru-baru ini, beliau berkata perjanjian itu terhad kepada perdagangan sahaja dan tidak membabitkan bidang lain.

“Hasrat kita (mengadakan EPA) ialah untuk wujudkan rangkaian yang akan memperkukuhkan hubungan dan perluaskan bidang kerjasama. Jika kita boleh wujudkan hubungan seperti ini, kita akan lebih bersatu lagi,” katanya.

Maeda berkata, kemakmuran Jepun bergantung kepada Asean, dan hubungan ekonomi, politik dan sosial dalam hal ini akan banyak membawa manfaat kerana ia akan mewujudkan pasaran yang besar.

“Kita perlu perkukuhkan

hubungan kita bersama Asean memandangkan rantau itu adalah lebih dekat dari segi geografi dan politik.”

Maeda berkata, penekanan Jepun bagi hubungan mesra bersama negara Asean adalah juga selaras dengan wawasan mewujudkan Masyarakat Ekonomi Asia Timur.

“Terdapat banyak isu mencabar di dunia dan kami mahu menangani isu ini dengan kerjasama negara Asean,” katanya.

Isu ini termasuk aktiviti lanun, keganasan dan penyeludupan manusia yang perlu ditangani segera di rantau khususnya selepas insiden letupan bom di Bali pada Oktober lalu.

Mengenai Myanmar, Jepun menaruh harapan bahawa Dr Mahathir akan dapat mengadakan perbincangan bersama kerajaan Myanmar supaya membuka pintunya kepada dunia.

Malaysia, kata beliau berada dalam kedudukan baik untuk berbuat demikian kerana ia mempunyai hubungan baik dengan kerajaan Myanmar.

Mengenai cadangan penubuhan universiti vokasional dan teknikal di Malaysia, Maeda berkata Jepun mahu projek itu berjaya dan menampung diri.

Sementara itu di **KUALA LUMPUR**, Dr Mahathir dan isteri, Datin Seri Siti Hasmah Mohamed Ali berlepas ke Tokyo menaiki pesawat Penerbangan Malaysia jam 11.35 malam ini.

Antara yang mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) ialah timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, isterinya Datuk Seri Endon Mahmood, menteri-menteri Kabinet dan penyokong Barisan Nasional.